

Hampir semua RM7.3b pakej rangsangan pulihan ekonomi sudah dibelanja

JUM 19 JUN 2002
KUALA LUMPUR 18 Jun — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, hampir semua peruntukan RM7.3 bilion daripada pakej rangsangan bagi memulihkan ekonomi negara telah dibelanjakan.

Beliau yang juga Menteri Kewangan ditanya perkembangan terkini pakej tersebut yang diumumkan oleh kerajaan tahun lepas sebagai langkah menangani masalah kekwatan ekonomi.

“Secara praktikalnya semua (telah dibelanjakan),” katanya kepada pemberita selepas merasmikan Ekspo Nasional Usahawan Pemuda Bumiputera, di sini, hari ini.

Kerajaan dalam usaha menepis kemungkinan kesan negatif kelembapan ekonomi global yang akan berlaku telah mengumumkan satu pakej rangsangan berjumlah RM4.3 bilion.

Dr. Mahathir ketika mengumumkan perkara itu pada 25 September tahun lepas berkata, akibat peristiwa-peristiwa yang berlaku di dalam ekonomi global, pertumbuhan ekonomi Malaysia dijangka sekitar 1.0 hingga 2.0 peratus.

Pengumuman langkah-langkah rangsangan itu adalah tambahan kepada pakej rangsangan RM3 bilion yang diumumkan Mac tahun lepas bagi pembangunan projek-projek infrastruktur seperti sekolah, kolej komuniti, universiti baru dan peruntukan RM28 bilion di dalam Belanjawan 2001 pada Oktober tahun lepas.

Rancangan perbelanjaan itu termasuk mempercepatkan pembinaan 35,000 unit rumah pangsa bagi mengatasi masalah setinggan di Kuala Lumpur menjelang 2003.

Selain itu kerajaan akan menggendakan kadar semasa bagi pembayaran kebajikan untuk membantu keluarga miskin dan peruntukan khas untuk menaik taraf tadika kendalian Jabatan Kemajuan Masyarakat.

Rancangan itu juga termasuk tambahan RM300 juta bagi menaik taraf dan kerja penyenggaraan bangunan-bangunan kerajaan, rumah kakitangan dan kemudahan terutamanya sekolah, balai polis dan prasarana luar bandar.

Di samping itu, tambahan sebanyak RM300 juta juga disediakan bagi membina makmal komputer di 2,000 buah sekolah.